



Tiada Kekebalan bagi Jenayah Rogol

Pengumuman oleh kerajaan Malaysia baru-baru ini bahawa keputusan telah dibuat untuk mengekstradisi Muhammad Rizalman Ismail ke New Zealand, adalah amat dialu-alukan. Keputusan ini adalah amat penting memandangkan beliau sebelum ini telahpun dituduh di Mahkamah Daerah Wellington pada 10 Mei atas kesalahan merompak dan menyerang seorang wanita berusia 21 tahun dengan niat untuk merogol wanita tersebut.

Ramai yang tidak berpuas hati apabila Muhammad Rizalman telah diterbangkan pulang ke Malaysia pada 22 Mei tanpa perlu dibicarakan atas pertuduhan diatas berdasarkan alasan kekebalan diplomatik, sedangkan perbuatan jenayah yang dipertuduhkan adalah amat serius. Tindakan kerajaan memohon kesemua dokumen berkenaan kes ini ditutup dan dirahsiakan dan kesemua pertuduhan terhadap Muhammad Rizalman ditarik balik, membawa persepsi negatif terhadap kebolehpercayaan kerajaan bukan sahaja pada tanggapan rakyat Malaysia malah termasuk tanggapan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita.

Apabila kekebalan diplomatik digunakan sebelum ini, kesannya adalah tertuduh berjaya mengelak proses keadilan jenayah yang sepatutnya berfungsi untuk mengadili perbuatan ganas yang dipertuduhkan. Dengan bertindak sebegini, kerajaan Malaysia telah melanggar Rekomendasi Umum 28 Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita atau CEDAW yang telah ditandatangani oleh Malaysia. Jelas termaktub pada peruntukan CEDAW bahawa kerajaan Malaysia bertanggungjawab antaranya untuk membawa pelaku keganasan terhadap wanita ke muka pengadilan, dan jika didapati bersalah, menjatuhkan hukuman yang setimpal.

Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri telah membuat jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa keadilan bakal terlaksana dan Muhammad Rizalman bakal berhadapan dengan Lembaga Siasatan yang ditubuhkan oleh Kementerian Pertahanan. Jika tuduhan didapati sahih, beliau akan dihadapkan ke Mahkamah Tentera di Malaysia.

Namun ramai rakyat Malaysia yang tertanya-tanya, bagaimana pula Lembaga Siasatan boleh menyiasat jenayah berat seperti cubaan merogol? Persoalan akarnya berkisar pada pendekatan kerajaan dalam menyiasat dan mengendalikan jenayah seksual. Tambah kabur lagi apabila diambilkira bagaimana caranya siasatan sewajarnya dapat diadakan di sini sedangkan mangsa, bahan bukti dan pegawai penyiasat jenayah ini semuanya berada di New Zealand. Sehingga semalam, setelah lebih sebulan Muhammad Rizalman pulang ke Malaysia, perkembangan siasatan jenayah ini di Malaysia masih tidak diketahui.

Kerajaan Malaysia mesti bertindak memenuhi komitmen terhadap mengakhiri keganasan terhadap wanita, samada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Terdapat keperluan jelas untuk bertindak segera dan tegas dalam menolak keganasan seksual, tidak kira samada keganasan tersebut berlaku di tanahair kita sendiri ataupun dilakukan oleh rakyat Malaysia yang merantau di seberang laut. Justeru itu, keputusan untuk menghantar kembali Muhammad Rizalman ke New Zealand adalah langkah yang paling tepat dan wajar dilakukan serta-merta.

Prema Devaraj
Konsultan Program

Pusat Kesedaran Wanita, Pulau Pinang
3 Julai 2014

Women's Centre for Change 2678/85 (Pulau Pinang)

241 Jalan Burma, 10350 Penang, Malaysia

T +604-228 0342 F +604-228 5784 E wcc@wccpenang.org W www.wccpenang.org